

LAMPIRAN A : PETA

Peta A1
Peta A2
Peta A3

LAMPIRAN B: JURAI KETURUNAN

B1 : Jurai Keturunan Carak Lela Maharaja
B2 : Jurai Keturunan Carak Sedia Raja

LAMPIRAN C: HIERARKI DAN SENARAI TUGAS LEGAL-BIROKRASI

C1 : Hirarki Pentadbiran Pejabat Daerah
C2 : Senarai Tugas Unit-unit dalam Pejabat Daerah
C3 : Senarai Nama Pengerusi JKKK Daerah Rembau

LAMPIRAN D: HIERARKI DAN SENARAI NAMA SUKU SISTEM ADAT

D1 : Nama Suku dalam Luak Rembau
D2 : Hirarki Pentadbiran Sistem Adat
D3 : Isi Surat Perjanjian YDPB dan Undang Yang Empat dengan British pada 1989
D4: Urutan Hari Perlantikan Undang Yang Ke-21
D5: Laporan Oleh Dato' Perba


LAMPIRAN E: LAIN-LAIN

E1 : Senarai Informan
E2 : Soalan Temuramah
E3 : Surat Pengakuan


LAMPIRAN F: GAMBAR

F1: Gambar Di Sekitar Pelantikan Undang Rembau
F2: Gambar Undang
F3: Gambar Surat Perjanjian 1989

DAERAH REMBAU




LAMPIRAN A2



Peta lakar d'Eredia (1613) menunjukan Rembau (Rombo)


LAMPIRAN A3



·Peta lakar d'Eredia (1613) menunjukan Rembau (Rombo)
dan Kerajaan Minangkabau (Regiam de Monancabos)

LAMPIRAN B1


Jurai Keturunan Carak Lela Maharaja



Sumber: Abdul Samad Idris (1968)

LAMPIRAN B2

Jurai Keturunan Carak Sedia Raja



Petunjuk rajah B.1 dan B.2:



Berkahwin




Keturunan



Adik-Beradik



Kampung



1. PENTADBIRAN DAERAH:

- 1.1. Bertindak sebagai Pegawai Pengawal di Pejabat Daerah/Tanah dan Majlis Daerah Rembau untuk Merancang keperluan perbelanjaan tahunan jabatan dan mengawal perbelanjaan yang diluluskan oleh Kerajaan.
- 1.2. Menyokong Pindaan peruntukan
- 1.3. Menyokong permohonan Cuti Tanpa Gaji
- 1.4. *Menilai Lapuran Penilaian Prestasi*
- 1.5. Pengurusan tindakan tatatertib kakitangan
- 1.6. Pengerusi Jawatankuasa Pelesenan Bia (Excise)
- 1.7. Pengeluaran lesen (Hiburan Am dan Barang Kawalan)
- 1.8. Timbalan Pendaftar Sijil Kerakyatan
- 1.9. Pengerusi Jawatankuasa Jurutulis Awam
- 1.10. Pengerusi Jawatankuasa Jemaah Pengadilan Sewa Daerah
- 1.11. Pengerusi Jawatankuasa Perayaan Peringkat Daerah
- 1.12. Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Rumah Rakyat
- 1.13. Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam Daerah
- 1.14. Pengerusi Jawatankuasa Anti Dadah/Keselamatan/Geraksaraf & Perangsaraf Daerah
- 1.15. Pengerusi Panel Pergerakan Gaji Pejabat Daerah/Tanah Rembau

2. PEMBANGUNAN:

- 2.1. Merancang, menyelaraskan, melaksanakan projek-projek Pembangunan Peringkat Daerah
- 2.2. Merancang, menyelaraskan, melaksanakan projek-projek Pembangunan oleh Agensi-agensi kerajaan di daerah
- 2.3. Merancang, menyelaraskan projek-projek memajukan tanah terbiar.
- 2.4. Merancang Pelan Pembangunan Daerah
- 2.5. Diwartakan sebagai Majistret Kelas I
- 2.6. Merancang, menyelaraskan, melaksanakan program gotong royong peringkat daerah
- 2.7. Meneliti Laporan Kemajuan Projek Bulanan (Kewangan & Fizikal) kepada Pejabat Kemajuan Negeri.
- 2.8. Menghadiri mesyuarat-mesyuarat peringkat negeri.
- 2.9. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pembangunan Daerah
- 2.10. Melaksanakan Kerja Tawaran (kurang RM100,000.00)
- 2.11. Pemilihan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung


3. PENTADBIR TANAH:

- 3.1. Menimbang permohonan tanah Kerajaan secara kekal atau di bawah Lesen Pendudukan Sementara.
- 3.2. Meluluskan permohonan permit bahan batuan
- 3.3. Pengerusi Jawatankuasa Tanah Daerah
- 3.4. Menyokong permohonan kebenaran pindahmilik tanah dan gadaian
- 3.5. Membuat 'attestation' atau penyaksian Borang 14A (Pindahmilik Tanah) dan Gadaian.
- 3.6. Sebagai Timbalan Pemungut Duti Setem
- 3.7. Melaksanakan penguatkuasaan di bawah Kanun Tanah Negara.
- 3.8. Diwartakan sebagai Mejistret Kelas I
- 3.9. Pemungut Hasil Jabatan
- 3.10. Merancang Pelupusan Tanah
- 3.11. Menimbang permohonan Tukar Syarat/Pecah Sempadan dan belah'bagi (kelulusan Pihak Berkuasa Negeri)
- 3.12. Melaksanakan pengambilan balik tanah
- 3.13. Pengawasan Unit Rancangan Tanah Pinggir
- 3.14. Pengawasan Unit Pesaka Kecil
- 3.15. Mempertimbangkan permohonan kelulusan hak larangan (kelulusan Pihak Berkuasa Negeri)

4. YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH:

- 4.1. Menjalankan urusan Pentadbiran Majlis Daerah Rembau
- 4.2. Merancang/mengatur urusan Pentadbiran Majlis Daerah Rembau
- 4.3. Merancang dan melaksanakan pembangunan dalam kawasan Majlis
- 4.4. Bertanggungjawab dalam mengawal peruntukan dan perbelanjaan Majlis
- 4.5. Mempengerusikan semua mesyuarat-mesyuarat Majlis
- 4.6. Merancang langkah-langkah penguatkuasaan undang-undang yang perlu diambil terhadap orang awam yang melanggar undang-undang Majlis.

5. Lain-lain tugas ya. g diarahkan dari masa ke semasa oleh pihak Berkuasa Negeri dan Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.



MOHD NAZRI BIN NASIR
Penolong Pegawai Daerah (AM)
Pelobat Daerah Rembau

LAMPIRAN C3

**SENARAI NAMA PENERUSI JKKK
DAERAH REMBAU
BAGI TEMPOH
1 OGOS, 2000 - 31 JULAI, 2003**

Sumber: Pejabat Daerah Rembau, Negeri Sembilan (2002)

Name & Alamat	Mukim	No. Telefon
HJ. SAPAR BIN JAAMAN Kg. Pilin, Chengkau, <u>71300 Rembau.</u>	PILIN	6970391
RAMLY BIN JALON Kg. Durian Daun, Chengkau, <u>71300 Rembau.</u>	PILIN	6852804
HJ. IDRIS BIN HJ. ABDUL RAOF Kg. Nerambai, Lubok China, <u>71150 Linggi.</u>	TITIAN BINTANGOR	6966271
MOHD. YUSOF BIN ABDULLAH Kg. Titian Bintangor, <u>71150 Linggi.</u>	TITIAN BINTANGOR	6967618
HJ. YAHYA BIN HASAN Kg. Haji Sulaiman, <u>71150 Linggi.</u>	TITIAN BINTANGOR	6966393
HJ. NAYAN BIN BAKAR Kg. Sawah Raja, <u>71350 Kota.</u>	TITIAN BINTANGOR	4383971
TUXIMIN BIN OTHMAN Kg. Sungai Timun, <u>71150 Linggi.</u>	TITIAN BINTANGOR	013-620280
MOHD. NASIR BIN SINGAH Kg. Titian Akar, <u>71150 Linggi.</u>	TITIAN BINTANGOR	6967816
HJ. HASHIM BIN YUSOF Kg. Kundur Hilir, <u>71400 Pedas.</u>	KUNDOR	6970392
YAZIZ BIN YUSOF Jalan Dato Abd. Samad, Kg. Kundur Tengah, <u>71400 Pedas.</u>	KUNDOR	6970566

Bil	Nama & Alamat	Mukim	No. Telefon
12.	HJ. MOHD. TAF BIN HASSAN Kg. Kundur Hulu, <u>71400 Pedas.</u>	KUNDOR	6970348
12.	HJ. ZAINUDIN BIN WAHAB Kg. Air Hitam, <u>71300 Rembau.</u>	CHEMBONG	6851601
13.	HJ. ZAKARIA BIN MD. LAHIM, Kg. Ampang Batu, Chembong A, <u>71300 Rembau.</u>	CHEMBONG	6851998
14.	HJ. MD. SHARI BIN YASIN Kg. Chembong Halt, <u>71300 Rembau.</u>	CHEMBONG	6852528
15.	HJ. MOHAMAD SHUKOR BIN HJ. ABAS Kg. Rendah, <u>71300 Rembau.</u>	CHEMBONG	6852430
16.	KAMARUDIN BIN IBRAHIM MOHD. YUSOF B. HJ. LEMAN Kg. Tanjung Sena , Chuan Baru <u>71300 Rembau.</u>	CHEMBONG	6853275
17.	BENAN BIN SHARI Kg. Batu Hampar, <u>71300 Rembau.</u>	BATU HAMPAR	6851064
18.	HJ. ZAKARIA BIN LEMAN Kg. Seberang Batu Hampar, <u>71300 Rembau.</u>	BATU HAMPAR	6855640
19.	ZAINAL BIN HJ. MAAMOR Kg. Solok Jelawai, <u>71300 Rembau.</u>	BATU HAMPAR	6852848
20.	RAZALI BIN ITAM Kg. Mampong/Perigi Jernih, <u>71300 Rembau.</u>	TANJUNG KLING	6852917

Bil	Nama & Alamat	Mukim	No. Tele
21.	SARIF BIN ABU KASIM Kg. Senama Hilir, <u>71300 Rembau.</u>	TANJUNG KLING	685193
22.	HJ. ABD. GHANI BIN AHMAD Kg. Senama/Tanjung Kling, d/a No. 484 Taman Seri Rembau, <u>71300 Rembau.</u>	TANJUNG KLING	6857429
23.	HJ. OTHMAN BIN KANDAR Kg. Pedas Gaing, d/a 48 Jalan Besar Pedas, <u>71400 Pedas.</u>	PEDAS	6851773
24.	MOHAMAD ARIS BIN OSMAN Kg. Pedas Tengah, <u>71400 Pedas.</u>	PEDAS	6854557
25.	SHAFIE BIN RAFEK Kg. Pedas Hilir, <u>71400 Pedas.</u>	PEDAS	6857015
26.	HJ. RAMLY BIN SHAMSUDIN Kg. Baru Sepri, <u>71400 Pedas.</u>	PEDAS	6853104
27.	ABD. RAHMAN BIN GALIN Kg. Miku Pindah, <u>71300 Rembau.</u>	MIKU	6855021
28.	AB. JALIL BIN YASIN Kg. Padang Lebar/Sungai Layang <u>71300 Rembau.</u>	BONGEK	6855058
29.	HJ. ABD. AZIZ BIN ABDULLAH Kg. Selemak Bongek Batu 20, <u>71300 Rembau.</u>	BONGEK	6852735
30.	HJ. MAULUD BIN BULAT Kg. Chengkau Ulu, <u>71300 Rembau.</u>	CHENGKAU	4382616

Bil.	Nama & Alamat	Mukim	No. T
31.	KHELID BIN MOHD. NOR Kg. Lada, Chengkau, <u>71300 Rembau.</u>	CHENGKAU	4382
32.	MOHD. SHAH BIN JONED Kg. Semerbok, <u>71350 Kota.</u>	SEMERBOK	438
33.	YUNOS BIN MHD. YUSOF Kg. Batang Nyamor, <u>71350 Kota.</u>	GADONG	4382 013-35
34.	MAZLAN BIN ISMAIL Kg. Gadong, <u>71350 Kota.</u>	GADONG	438
35.	NORDIN BIN AMAN Kg. Kota Pekan, No. 111, Rumah Rakyat, <u>71350 Kota.</u>	GADONG	438
36.	BAHARI BIN THANI Kg. Seri Kendong, <u>71350 Kota.</u>	GADONG	438
37.	HJ. MAAROF BIN ADAM Kg. Pulau Besar, <u>71300 Rembau.</u>	NERASAU	685
38.	HJ. JOHARI BIN SAID Kg. Penajis Bandar, <u>71300 Rembau.</u>	NERASAU	438
39.	MOHAMED BIN HASSAN Kg. Nerasau, Chengkau, <u>71300 Rembau.</u>	NERASAU	438
40.	HJ. DAUD BIN LATIH Kg. Pulau Mampat, <u>71300 Rembau.</u>	NERASAU	685

Nama & Alamat	Mukim	No. Telefon
MOHAMAD BIN ACHIT Kg. Batu, <u>71300 Rembau.</u>	SELEMAK	6857702
MOHD. AZIZ BIN SIMEK Kg. Selemak, <u>71300 Rembau.</u>	SELEMAK	6853287
MOHAMED BIN KASIM Kg. Legung Ulu, <u>71350 Kota.</u>	LEGUNG ULU	4381284
MOHAMAD IDRIS BIN YUSOH Kg. Astana Raja, <u>71350 Kota.</u>	LEGUNG HILIR	4382570

UNDANG: Datuk Lela Maharaja dan Datuk Sedia Raja—pusaka
ini bergilir.
SUKU: Biduanda Jakun dan Biduanda Jawa—bergilir.

Bil.	Nama suku	Jumlah perut	Gelaran Lembaga
I	1. Biduanda Jakun Baruh	4	Datuk Perba
	2. Biduanda Jawa Baruh	4	Datuk Perba
	3. Biduanda Jakun Tebat	4	Datuk Setia Maharaja
II	4. Batu Hampar Baruh	4	Datuk Gempa Maharaja
	5. Batu Hampar Darat	3	Datuk Sutan Bendahara
	6. Batu Hampar Petani	4	Datuk Putih
III	7. Paya Kumbuh (Pekumbuh) Baruh	7	Datuk Merbanga
	8. Paya Kumbuh (Pekumbuh) Darat	4	Datuk Sri Maharaja
IV	9. Mungkal Baruh	4	Datuk Samsura Pahlawan
	10. Mungkal Darat	4	Datuk Ngiang
V	11. Tiga Nenek Baruh	4	Datuk Bangsa Balang
VI	12. Semelenggang (Sri Melenggang) Baruh	3	Datuk Maharaja Sutan ¹
13.	Semelenggang (Sri Melenggang) Kendung Baruh	1	Datuk Mahkota ¹

15. Semelenggang
(Sri Melenggang)
Miku Darat

3

Datuk Panglima Dagang¹16. Semelenggang
(Sri Melenggang)
Empat Ibu

4

Datuk Mendelika

VII 17. Selemak
(Sri Lemak)

4

Datuk Sinda Maharaja

VIII 18. Batu Belang

Darat

6

Datuk Indika

IX 19. Tanah Datar

Baruh

7

Datuk Raja Senara

20. Tanah Datar

Darat

5

Datuk Maharaja Jinda

21. Tanah Datar

Kendung

Baruh

1

—²

X 22. Anak-Acheh

Baruh

3

Datuk Lela Wangsa

XI 23. Anak Melaka

Baruh

3

Datuk Ganti Maharaja

XII 24. Tiga Batu

Baruh

1

—²

25. Tiga Batu

Darat

3

Nang Besar¹

26. Tiga Batu

Kendung

Baruh

1

—²

27. Agam Baruh


1

—²

Nota:

¹Bertaraf Besar.²Tiada berlembaga. Suku-suku ini bertaraf di bawah Lembaga suku lain.³Bertaraf Besar.

(Sumber: Abbas Hj. Ali, 1953: 124-41.)



Perjanjian Di Antara Yang Dipertuan Besar Seri Menanti Dengan Undang Yang Empat

Bawah adalah dengan sesungguhnya beta Yang Dipertuan Besar Muhammad C. M. G. Ilni Al-Marhum Yang Dipertuan Antah telah memperbuat surat perjanjian dengan Undang Yang Empat, pertama Dato' Kelana Puteri serta Dato' Bandar Sungai Ujung — kedua, Dato' Mendika Menteri Akhir Zaman Sutan Jelebu — ketiga, Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitawan Johol dan keempat Dato' Sedia Raja Rembau. Maka adalah beta serta Undang Yang Empat bersama-sama Tuan British Resident telah mengukuhkan peraturan adat negeri dan pesaka yang telah dibuat oleh orang-orang tua-tua zaman dahulu kala iaitu yang tersebut di bawah ini.

1. Maka sekarang telah kembalilah Undang Yang Empat menabalkan beta jadi raja di dalam Negeri Sembilan kerana mengikut peraturan yang telah diperbuat oleh orang tua-tua.
2. Adapun dari hal beta telah dirajakan di dalam Negeri Sembilan ini maka di dalam aturan dahulunya tiada pula beta mencampuri dari hal pemerintahan adat negeri atau shara' melainkan apa-apa yang berlaku di dalam luaknya masing-masing habislah dengan bermesyuarat dengan Tuan British Resident Negeri Sembilan tiada berkehendak dengan perintah beta.
3. Jikalau berbangkit perselisihan di antara Undang dengan Undang, iaitu darilhal pemerintahan luaknya, jika sekiranya beta mencampuri serta mengadilkan darilhal itu, akan tetapi jika pegawai Undang Yang Empat atau rakyat di dalam pemerintahan Undang Yang Empat itu datang mengadap mengadakan hal atau dengan surat tiadalah kelak beta terima akan pengaduan mereka itu.
4. Dan apakala sampai pada hari raya yang kedua di dalam aturan yang dahulu tiadalah pula Undang Yang Empat datang mengadap beta di dalam Istana Seri Menanti melainkan boleh diperbuatnya apa-apa peraturan di dalam luaknya masing-masing, akan tetapi jikalau beta membuat sesuatu pekerjaan yang besar seperti nikah kahwin dan sunat rasul beta persilakan Undang Yang Empat hendaklah Undang Yang Empat menyempurnakan darilhal itu.
5. Jika Yang Dipertuan itu mangkat maka seharusnya Undang Yang Empat itu membawa persembahan emas manah ala kadar masing-masing dan seperti wang emas manah itu sepatutnya dikeluarkan daripada Kerajaan Negeri Sembilan.

kerapatan memilih di dalam putera itu diatalkan jadi Yang Dipertuan mengikut sebagaimana istiadat peraturan menabalkan Yang Dipertuan dahulu itu juga, demikianlah adanya.

Termakluth pada 8 haribulan Zulhijah sunnah Muhamadiyah 1315 berbetulan dengan 29 haribulan April, Tahun Musshi 1898 Perjanjian ini ditandatangani oleh Tuanku Muhammad Shah, Tuan E. W. Birch British Resident, Dato' Kelana Puteri Maamor dan Dato' Bandar Haji Ahmad, Dato' Jelebu, Dato' Johol Sieto dan Dato' Rembau Haji Siron bin Sidin.

URUTAN HARI PERLANTIKAN 21 NOVEMBER 1998

Pada pagi pendaftaran 21.11.98 telah dikenal pasti memang lebih dari 14 orang calon di senaraikan.

- Bantahan telah dibuat oleh Dato' Sedia Lela Utama
- Dato' Sedia Lela Utama telah berjumpa dan menyoal Dato' Gempa kenapa ada tambahan calon untuk pendaftaran untuk ditemuduga dan anak buah dari Kampung Tebat ingin penjelasan.
- Jawapan Dato' Gempa : Dato' tolonglah selesaikan.
- Dato' Sedia Lela Utama melaporkan perkara ini kepada Dato' Lela Ketua Waris Dua Carak untuk mengeluarkan calon-calon dari Chengkau / Chembung.

Tindakan Dato' Sedia Lela :

Mengarahkan calon-calon dari Chengkau / Chembung beredar dari kawasan pendaftaran kewrana Kampung Chengkau / Chembung bukannya kampung yang berhak kali ini.

Pihak kampung Chengkau telah membuat kekecohan di kawasan pendaftaran dan di dalam Dewan Persidangan dengan kata yang kesat.

Perjumpaan Dato' Lela / Dato' Gempa

Dato' Sedia Lela meminta kepada Dato' Gempa supaya calon-calon dari kapung Tebat sahaja yang di panggil untuk di temuduga dan menolak calon-calon daripada Chengkau / Chembung.

>> Dato' Gempa mahukan Kampung Chengkau / Chembung di temuduga sama.

Tindakan Dato' Gempa

Beliau terus memanggil calon dari Chengkau Hj. Md. Nasir (ini membuatkan satu lagi kekecohan yang boleh membawa kemudaratanke pada orang ramai di luar pagar.

Tindakan Dato' Sedia Lela

Memanggil kerapatan khas buapak lapan orang dan Lembaga Tali Pusaka Waris Dua Carak dan telah mengambil keputusan (kecuali buapak Kampung Chengkau) meminta Dato' Sedia Lela berjumpa Dato' Gempa supaya tidak memanggil calon dari Chengkau / Chembung.

(Dato' Sedia Lela pergi berjumpa Dato' Gempa supaya memanggil calon dari Tebat sahaja tetapi Dato Gempa tetap dengan pendiriannya.)

Atas salah lakunya Dato Gempa itu maka Dato' Sedia Lela telah menyatakan jika Dato' tidak mahu mengikut peraturan yang telah ditentukan oleh adat saya sebagai Dato; Sedia Lela ketua Waris Dua Carak yang berhak menentukan calon (benih) penyandang akan mengistiharkan calon dari Kampung Tebat sebagai Undang Luak Rembau ke 21.

Jawapan Dato' Gempa

Dato' Gempa :Kalau Dato' hendak istiharkan , istiharkan.....lah

Tindakan Dato' Sedia Lela

Membuat pengistiharan dengan menggunakan pembesar suara di atas pemasyuran penyandang pusaka Undang ke 21 Dato' Sedia Lela Utama Hj. Muhammad Sharip B. Hj. Othman calon utama yang telah dikelaskan (mengikut adat : naik bertangga turun berjinjing)

Keputusan ini diambil:

Jika Dato' Gempa membuat pengistiharan beliau akan mengambil calon dari Kampung Chengkau / Chembung untuk menjadi Undang (yang tidak berhak).

1. Pengumuman ini disaksikan oleh Yg. Bhg. Tuan Pegawai Daerah Rembau wakil YAB Dato' Menteri Besar Negeri Sembilan.
2. Yg. Bhg. Dato Ahmad Ghazali (Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang)
3. Pegawai Agama Islam Daerah Rembau
4. ADUN Chembung dan Kota
5. Dato'-Dato; Tiang Balai / Lembaga -- tidak ada bantahan

Dan lain-lain orang kenamaan dengan diiringi oleh tembakan dari Pasukan Meriam Diraja sebanyak 9 das.

Diakhiri dengan bacaan doa oleh Sahibul Samaah, Dato' Mufti Negeri Sembilan.

Seterusnya adat istiadat penyembahan dijalankan oleh Dato' Lembaga dan orang-orang kenamaan.

Surat ini dipersembahkan kepada DYMM Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan dikemukakan kepada YAB Datuk Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang, Setiausaha Dewan Keadilan, Pegawai Daerah Rembau, OCPD Rembau, Dato-Dato' Lembaga, Anak-anak buah dan ramai lagi.

Perlantikan Undang Luak Rembau yang ke 21 pada hari Sabtu, 21/11/98

Perut manakah yang semestinya mendapat giliran dalam perlantikan Undang Rembau yang ke 21 dari carak Lela Maharaja? Perut Tebat atau Perut Chengkau? Inilah persoalan yang paling hangat diperkatakan di Rembau hari ini. Jawabnya semestinya Perut Tebat, kerana:

(a) 7 dari 8 orang Buapak Kampong Yang Lapan di bawah Dato' Sedia Lela (jawatan ini dahulu dikenali dengan nama Dato' Perba) SUDAHPUN MEMUTUSKAN baru-baru ini, di hadapan Pegawai Daerah, yaitu giliran kali ini jatuh kepada Perut Tebat. Mengikut adat Rembau turun temurun, Dato' Sedia Lela (kerana dia ialah Ketua Waris Nan Dua Carak) bersama-sama Buapak Kampong Yang Lapan berkuasa penuh untuk menentukan benih (atau nientukan giliran Perut) dalam melantik Undang yang baru. Tiang Balai Yang Lapan TIDAK mempunyai kuasa untuk menentukan benih, (yaitu menentukan Perut yang mana akan mendapat giliran). Mengikut adat Rembau turun temurun, Tiang Balai Yang Lapan hanya boleh memilih calon yang berjaya dari senarai calon-calon yang dikemukakan oleh Dato' Sedia Lela (hasil kerapatan dengan Buapak Kampong Yang Lapan), seperti yang berlaku dalam pemilihan Dato' Adnan Ma'ah sebagai Undang Rembau yang ke 20 dahulu.

(b) Lihatlah senarai nama-nama Undang Rembau yang terdahulu yang dilampirkan di sini. Senarai ini telah difotostet dari muka surat 121 buku "REMBAU - Sejarah, Perlembagaan, Adat dan Istiadatnya" yaitu sebuah buku yang telah diterjemah, dipinda dan dipadankan oleh seorang ahli pendidikan Rembau yang terkemuka, Allahyarham Cikgu Abas bin Haji Ali, dalam tahun 1952 daripada karangan C.W.C. Parr and W.H. McCray yang dipetik dari Straits Branch, Royal Asiatic Society, Bilangan 56, Disember 1910. Buku ini masih banyak boleh didapati.

Senarai ini menunjukkan bahawa daripada 19 orang Undang Rembau semenjak tahun 1952 (buku ini dicetak dalam tahun 1952), Perut Chengkau telah dapat ~~TIGA~~ giliran manakala Perut Tebat hanya mendapat SATU giliran sahaja. Undang Rembau dari Perut Chengkau yang akhir sekali dilantik dalam tahun 1819 (yaitu 119 tahun yang lalu) tetapi Undang Rembau dari Perut Tebat yang akhir sekali dilantik pada tahun 1795 (yaitu 203 tahun yang lalu) (yaitu lebih lama lagi).

Jadi, oleh kerana Perut Tebat telah mendapat hanya SATU giliran manakala Perut Chengkau telah mendapat ~~TIGA~~ giliran, maka semestinyalah Perut Tebat mendapat giliran kali ini. Lagipun, giliran Perut Tebat ialah 203 tahun yang lalu, manakala giliran

EMPAT

EMPAT

Perut Chengkau hanyalah 119 tahun yang lalu. Ertinya, Perut Tebat lebih lama tidak dapat jadi Undang. Maka, Perut Tebat mestilah mendapat giliran untuk calonnya jadi Undang kali ini - dan inilah yang telah diputuskan oleh 7 dari 8 orang Buapak Kampong Yang Lapan baru-baru ini.

AKAN TETAPI, dua orang dari Tiang Balai Yang Lapan (yang tentunya ada kepentingan sendiri) ada cadangan untuk mempengaruhi enam orang lagi Tiang Balai Yang Lapan itu untuk membelakangkan hakikat di atas dan mahu MENGENEPIKAN keputusan Buapak Kampong Yang Lapan untuk kepentingan mereka sendiri - mungkin kerana rasuah? Mereka mahu memutuskan pada hari Sabtu 21 November ini bahawa giliran kali ini ialah giliran Perut Chengkau. Mereka ada kepentingan sendiri!

Perbuatan mereka ini TIDAK mengikut keadilan atau apa yang telah diputuskan oleh Buapak Kampong Yang Lapan di bawah ketuanya, Dato' Sedia Lela yang mempunyai KUASA MUTLAK untuk menentukan benih yaitu menentukan giliran Perut yang betul dalam memilih Undang Rembau yang baru. Tiang Balai Yang Lapan TIDAK mempunyai kuasa untuk menentukan benih. Mereka (terutama sekali 4 orang Tiang Balai Yang Di Baruh) hanya memilih bakal Undang dari calon-calon dari Perut yang ditentukan oleh Buapak Kampong Yang Lapan di bawah Dato' Sedia Lela. Inilah aturan adat Rembau turun temurun - dianjak rosak, dicabut layu!

Semasa pemilihan Dato' Adnan Maah sebagai Undang Rembau yang ke 20 dalam tahun 1963 yang lalu, giliran Perut (yaitu Perut Bukit) telah ditentukan oleh Buapak Kampong Yang Lapan di bawah ketua mereka yaitu Dato' Perba Abdul Aziz Hussien yang masih hidup (yang kini tinggal di Kampong Legong Ulu). (Gelaran Dato' Sedia Lela pada masa itu ialah Dato' Perba). Keputusan Buapak Kampong Yang Lapan pada masa itu telah dibuat TANPA SEBARANG PERANAN ATAU CAMPUR TANGAN DARIPADA Tiang Balai Yang Lapan. Tidak siapa yang dapat menafikan ini. Tanya sahajalah bekas Dato' Perba Abdul Aziz Husin yang masih hidup. Dan tanyalah juga Dato' Merbangsa Mohd. Sharif bin Abas, seorang Tiang Balai Yang Lapan yang masih hidup (yang telah mengumumkan perlantikan Dato' Adnan Maah sebagai Undang Rembau yang baru pada masa itu) (dan yang akan mengambil bahagian dalam mesyuarat pada hari Sabtu 21 November ini).

Betulkah Perut Tebat itu cacat dan tidak boleh menyandang pesaka (jawatan) Undang Rembau ?

Dua orang di kalangan Tiang Balai Yang Lapan mendakwa bahawa Perut Tebat tidak boleh menyandang jawatan (pesaka) Undang Rembau kerana Perut Tebat telah cacat. Kecacatan ini berlaku apabila Undang Rembau dari Perut Tebat yang lalu (yaitu Dato' Kusil yang menjadi Undang Rembau antara tahun 1795 hingga tahun 1812) telah dipecat kerana kesalahan adat. Oleh sebab itu, orang-orang dari Perut Tebat tidak dibolehkan menyandang apa-apa jawatan adat selama tujuh keturunan. Sebenarnya, tujuh keturunan ini sudahpun ditamatkan dalam tahun 1932 oleh Undang Rembau yang ke 18, yaitu Dato'

Abdullah Dahan. Muka surat 126 buku terjemahan Cikgu Abas Hj Ali yang tersebut di atas (salinan fotostet dilampirkan di sini) mencatatkan:

“Tebat (Perut Tebat) dihebahkan mendapat pesaka yang penuh oleh Undang Dato’ Abdullah dalam tahun 1932.”

Ini bererti bahawa orang-orang dari **Perut Tebat** sudah boleh menyandang jawatan adat semenjak tahun 1932 lagi! Keputusan untuk ‘menghidupkan’ semula **Perut Tebat** telah direstui oleh Undang Rembau yang ke 19, yaitu Dato’ Haji Ipap. Dato’ Adnan Maah, Undang Rembau yang ke 20 pula telah mempraktekkan semua ini dengan melantik 2 orang dari **Perut Tebat** untuk menyandang jawatan adat. Mereka yang dilantik itu ialah Encik Ismail Shamsuddin, sebagai Dato’ Sedia Lela dalam tahun 1997 (tetapi malang baginya, telah dipecat kemudiannya, yaitu awal tahun ini) dan Encik Sharif sebagai Dato’ Sedia Lela Utama pada tahun yang sama (masih memegang jawatan).

Ada di kalangan **Tiang Balai Yang Lapan** yang berkata bahawa **Perut Tebat** kembali cacat SELURUHNYA dengan pemecatan Encik Ismail Shamsuddin sebagai Dato’ Sedia Lela awal tahun ini. Ini TIDAK LOJIK, kerana jika **Perut Tebat** sudah cacat semula seluruhnya, maka Dato’ Sharif (juga dari **Perut Tebat**) tentulah mestilah dipecat sama (sebagai Dato’ Sedia Lela Utama), TETAPI Dato’ Sharif TIDAK dipecat oleh Almarhum Dato’ Adnan Maah dan bahawa Dato’ Sharif itu masih memegang jawatan Dato’ Sedia Lela Utama sehingga hari ini.

Lagipun, Encik Ismail Shamsuddin itu dipecat sebagai Dato’ Lembaga dan BUKAN SEBAGAI UNDANG REMBAU. Jadi, seseorang anak buah dari **Perut Tebat** masih boleh jadi Undang Rembau. Dengan lain-lain perkataan, pemecatan Encik Ismail Shamsuddin sebagai seorang Dato’ Lembaga hanya mencatatkan dirinya seorang saja dari boleh menawarkan diri sebagai calon Undang Rembau. Inilah yang dikatakan oleh adat dan oleh Dato’ Adnan Maah sendiri sebagai “Busuk seulas, buang seulas; busuk seruang buang seruang”. (“Seruang” di sini maknanya “satu ruang”). Apabila biji seulas atau ruang seulas itu sudah dibuang, maka buah durian itu tidak lagi busuk dan masih boleh dimakan. Begitulah juga, **Perut Tebat** TIDAK CACAT hanya kerana salah seorang anak buahnya (Encik Ismail Shamsuddin) telah dipecat dari satu jawatan adat. Yang cacat hanyalah Encik Ismail Shamsuddin sendiri yang tidak boleh lagi menyandang apa-apa jawatan adat lagi. **Perut Tebat** TIDAK CACAT. Almarhum Dato’ Adnan Maah TIDAK PERNAH mengatakan **Perut Tebat** itu kembali cacat. Yang Cacat (dari segi adat) ialah Encik Ismail Shamsuddin. Budak Sekolah Tingkatan Satu pun boleh faham semua ini!

Saya menulis semuanya ini kerana saya mahu keadilan, mengikut apa yang telah digariskan oleh adat Rembau turun temurun kerana SAKSI YANG BOHONG boleh MASUK NERAKA. Dan mereka yang turut bersubhat dengan saksi yang bohong (seperti merestui pemilihan giliran Perut yang tidak adil dan tidak betul) juga boleh MASUK NERAKA. Dan saya tidak mahu masuk neraka! Sekian dari seorang insan Muslim yang kamil.

فنباهن II.

سناري نام ۲ يفتله قنباغ قساک اوندغ.

ادفون سناري نام ۲ اوندغ رمبو دباوه اين بلومله بوله دکتاکن يغ بتولن سکالي
 بايک تاريخن ماو قون نام ۲ باگي بيراف اورغ اوندغ ايت کران تياد فرايغتن يغيرتوليس
 يقدجومقاي. مک سناري اين دوسونکن دمکين سمات ۲ برکغ کغد قربنديغن دان سياستن
 يفتله دباوه دغن برسنگوه ۲ دغن برقدوکن کتراغن ۲ دان سورة ۲ قربنجين سرت کپتان ۲
 برتوليس يقدباوه اوله بلندا دملاک. دان باگي کجادين يغبرلاکو دالم قرون يفسمیلين بلس
 ستله دبنديغن قول دغن کپتان دان فرايغتن ۲ يقدباوه اوله نيو بولد ددالم رسالتن يغبرنام
 "قندودفن بریتيش دملاک."

نام	وارث	کموغ (1)	اگران مسا.
1 ليلا مهراج	وارث جاکون کوتا	دری ت. م. 1540 (2) سفي ت. م. 1555	
2 امبا	جاوا	1555 " "	
3 لکغ (کغغ)	جاکون کوتا	1605 " "	
4 قندق	جاوا	1620 " "	
5 اوبن (فوتيه کفلا) (3)	جاکون چفکاو	1645 " "	
6 ساکه	جاوا	1660 " "	
7 کورث	جاوا	1660 " "	
8 ساه (سوبوق)	(4) جاوا	1750 " "	
9 لوليسوه (مموغ) (5)	جاکون چفکاو	1750 " "	
10 فکتي (6)	جاوا	1790 " "	
11 کوسيل (کسر) (7)	جاکون تبه	1795 " "	1812
12 بوکوق (بهاگو)	جاوا	1812 " "	(8) 1819
13 غاينه (9)	جاکون چفکاو	1819 " "	
14 اخر (10)	جاوا	1838 " "	
15 حاج سهيل (11)	جاکون چفکاو	1871 " "	
16 سرون بن سيدين (12)	جاوا	1883 " "	
17 حاج سولوغ بن مياہ (13)	جاکون گادوغ	1905 " "	
18 عبدالله بن حاج داهن	جاوا	1922 " "	
19 حاج ايشف بن عبدالله	جاکون کوتا	1938 " "	

(1) کموغ وارث يغ مپندغ اوندغ يقدکل مغيکوه سلسيله کتورونن يغ دفرچاي.

(2) ليحه باب I موک 3 دان باگي منتشکن تاريخن مپندغ قساک دالم باب I موک 14.

اکین دان بیلاغن	کلرانہ لمباک	درجہ	سوکو	فروۃ ۲ ددالم سوکو دان کیلیرانن	ایبو باف (بوانن) قروتن ماسیغ
باروہ III	داتوہ سیمسورا فہلاون	یغدلانن	موغکل	IV سمر بوق. V باتغ پامور VI فادغ I فروۃ مولو (کمقوغ ائی ۲). II فروۃ هیلیر (کمقوغ ائی ۲). III فروۃ تھے (اتو دارۃ) IV فروۃ باتغ پامور.	نادک ستیا. دقیلیہ درقد نامقہ کیلیرانن سام نرجلانن کیلیران جوک.
باروہ IV.	داتوہ بفسا بالغ	یغدلانن	تیگ نینیق. داتوہ بشسا بالغ جوک جادی لمباک سوکو تبک باتو (بارود).	I لکوغ. II فادغ. III تنجوغ. IV بوکیۃ (سموان دکمقوغ لکوغ)	I جلیلا. دقیلیہ برکیلیر ۲ مغیکوۃ فروۃ I, II, III, د
باروہ V	داتوہ قرب	یغدوایلس	وارث بدوند	لمباک این دلتیق دغن وارث برتوکر ۲ درقد دوا فچاغن وارث یایت وارث جاکون 1. سیار دان وارث جاوا. دان برکیلیر ۲ درقد کمقوغ ۲. فادک دباوہ این:- وارث جاکون: I کوتا II چفکاوا III گادوغ IV تبه دهیہکن مندافه فساک یغقنوه اوله اوندغ داتوہ عبدالله دالم تاهون 1932. وارث جاوا: ۲ بکۃ	کمقوغ I کو II چفکاوا ترما سکا یغبرف کچم III گاد 3. منتری 4. جوان 5. منتری 6. اورغکای مداد

LAMPIRAN EI

SENARAI INFORMAN

Selain dari maklumat perpustakaan, hasil dapatan kajian ini diperolehi berdasarkan kepada temubual yang telah dijalankan oleh pengkaji terhadap informan berikut;

Informan Pertama: Y.T.M Dato' Lela Maharaja Hj. Sharif bin Hj. Othman, Undang Rembau yang Ke-21, berumur 61 tahun dari Suku Biduanda Lela Maharaja. Temuramah berlakukan pada 5hb. Mac 2002. Penulis memilih informan kerana beliau adalah orang yang menjadi tajuk perbincangan dalam disertasi ini. Beliau melalui proses-proses yang ditetapkan untuk menjadi Undang. Soalan perbincangan adalah lebih memfokuskan mengenai prosedur perjalanan dan adat istiadat pelantikan Undang dan kedudukan serta bidang kuasa Undang.

Informan Kedua: Dato' Perba Yahaya bin Abd Ghani Dato' Lembaga Suku Biduanda Waris Nan Dua Carak (Jakun/Jawa), berumur 61 dan Suku Biduanda. Tarikh temubual ialah pada 5hb. Mac 2002. Beliau adalah pengerusi bagi Majlis Lembaga Tiang Balai. Segala perjalanan pelantikan adalah di bawah tanggungjawab beliau untuk memastikan ia berlangsung dengan baik dan teratur. Tajuk perbincangan adalah lebih tertumpu kepada proses mencari dan melantik Undang serta sejarah-sejarah pelantikan Undang yang terdahulu.

Informan Ketiga: Dato' Hj. Nawawi bin Endek. Memegang jawatan Dato' Panglima Dalam. Temubual berlangsung pada 29hb Januari 2000. Selain beliau adalah salah seorang Buapak, beliau juga merupakan seorang berpengetahuan luas tentang Adat Perpatih dan pelantikan Undang Rembau. Beliau sering menjadi rujukan penuntut-penuntut yang mengkaji tentang sejarah dan adat istiadat Rembau. Informan banyak menceritakan tentang sejarah pembukaan Rembau, asal usul Adat Perpatih, proses pelantikan dan adat istiadat sekitar pelantikan Undang Rembau.

Informan Keempat: Dato' Andatar Mohd Nor bin Ismail. Memegang jawatan sebagai Dato' Enam Istana Besar Seri Menanti, Lembaga Seri Lemak Pahang. Lingkungan. Temubual dijalankan pada 3hb. Mac 2002. Beliau mempunyai pengetahuan yang luas tentang Adat Perpatih dan kedudukannya sebagai Dato' Enam menjadikan beliau arif tentang segala adat istiadat yang dilakukan di istana Seri Menanti. Informan banyak membincangkan tentang Adat Perpatih dan adat istiadat yang berlaku di sekitar pelantikan Undang.

Informan Kelima: Profesor Norhalim bin Hj Ibrahim dan beliau adalah pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Penulis menemui beliau pada 23hb.

Februari 2002. Penulis memilih beliau sebagai informan kerana beliau merupakan seorang pengkaji sejarah Negeri Sembilan dan banyak pengkajian beliau dikhususkan kepada daerah Rembau. Buku dan artikel yang dihasilkan oleh beliau banyak membincangkan tentang sejarah Rembau, corak pentadbiran sistem Adat Perpatih dan pelantikan pemimpin terutamanya di Rembau. Antara buku beliau ialah *Negeri Sembilan: Daerah Kecil Pesaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat*. Selain itu beliau adalah menjadi rujukan pemimpin-pemimpin adat tentang sejarah dan pelantikan Undang di Rembau. Beliau banyak membincangkan tentang proses pelantikan dan tujuan adat istiadat prosedur pelantikan dilakukan di samping menceritakan serba sedikit sejarah Rembau itu sendiri.

Informan Keenam: Encik Zainuddin bin Bujang merupakan seorang Penghulu di Mukim Selemak. Berumur 54 tahun. Suku Biduanda. Tarikh temubual berlaku pada 20hb. Mac 2002. Selain beliau memegang jawatan penghulu di Daerah Rembau, beliau juga mempunyai pengetahuan luas tentang adat istiadat pelantikan Undang. Tajuk perbincangan banyak menyentuh tentang sejarah Undang dan pelantikannya di samping syarat-syarat pelantikan Undang.

Informan Ketujuh: Hj. Hussein Kaman merupakan seorang bekas Buapak yang memegang gelaran Datuk Seri Amar Raja. Temuramah dijalankan pada 16hb. Januari 2000. Beliau mempunyai pengetahuan tentang asal usul penduduk di daerah Rembau di samping mempunyai pengetahuan tentang adat istiadat di Rembau. Beliau mempunyai banyak pengetahuan tentang pelantikan Undang di samping mengetahui sejarah dan cerita-cerita rakyat di Rembau. Informan banyak menceritakan bidang kuasa Undang selain tentang proses pelantikan Undang itu sendiri.

Informan Kelapan: Siti Zaharah Abd Hamid adalah Ahli Jawatan Kuasa Persatuan Sejarah Negeri Sembilan. Seorang pendidik di Sek. Men. Labu. Memegang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Tarikh temubual pada 3hb. Mac 2002. Beliau menyaksikan perjalanan pelantikan Undang Rembau. Informan banyak menceritakan bagaimana pengalaman beliau menyaksikan pelantikan Undang Rembau yang ke-21.

LAMPIRAN E2

SENARAI SOALAN TEMURAMAH

Penulis menemuramah setiap infoman dengan menggunakan soalan-soalan seperti;

1. Apakah maksud perkataan *Undang*?
2. Bagaimanakah gelaran ini timbul sedangkan gelaran ini tidak wujud di Tanah Minangkabau?
3. Apakah peranan atau bidang kuasa Undang?
4. Apa peranan dan bidang kuasa pemimpin adat yang lain seperti Buapak dan Lembaga dalam mewakili kelompok keluarganya?
5. Apa perbezaan Lembaga dan Lembaga Tiang Balai?
6. Adakah terdapat perbezaan tugas Undang dahulu dan sekarang?
7. Apakah syarat-syarat utama yang perlu ada pada Undang?
8. Adakah Undang perlu mempunyai sifat-sifat tertentu untuk menjaga tarafnya sebagai pemimpin adat?
9. Adakah kelayakan Undang ini sama seperti kelayakan pemimpin lain dalam adat Perpatih seperti Buapak, Lembaga, Yang di Pertuan Besar dan sebagainya?
10. Bagaimana proses pelantikan Undang?
11. Adakah semua pihak yang bermesyuarat boleh bersuara dan melantik dalam pelantikan Undang?
12. Adakah terdapat konflik dalam setiap pelantikan Undang?
13. Apakah peranan Dato' Perba sebagai pengerusi Majlis Lembaga Tiang Balai?

14. Bagaimana adat *istiadat kerjan* dijalankan di Lembaga Tiang Balai?
15. Pada pandangan Dato' / Prof./ Encik , kenapa perlu ada adat istiadat kerjan?
16. Apakah pakaian atau warna tertentu ditetapkan ketika adat istiadat Kerjan ini berlangsung?
17. Adakah ketika adat *istiadat menyalang* menjadi satu kewajipan kepada Undang untuk mendaki bukit atau sekadar adat istiadat sahaja?
18. Tidakkah Dato' / Prof./ Encik berpendapat adat istiadat ini membazir?
19. Bagaimanakah cara adat istiadat menyembah dilakukan, samada Dato'-dato' Lembaga menyembah kepada Undang atau Undang kepada Yang Di Pertuan Besar? Sedangkan dalam Islam yang disembah adalah Allah dan tiada adat menyembah dalam pelantikan pemimpin Islam?
20. Adakah terdapat apa-apa kepercayaan dalam adat istiadat memukul gendang ketika adat istiadat menyalang dan adat bersiram. Bukankah ia menyalahi syariat Islam?
21. Adakah terdapat perlakuan-perlakuan yang dalam pelantikan Undang yang bertentangan syariat Islam?
22. Bagaimana pandangan Dato' / Prof./ Encik jika dibandingkan pelantikan Undang dengan pelantikan Islam dari segi konsep dan pelaksanaannya? Adakah ia sejajar dengan syariat Islam?

LAMPIRAN E 3

Bil : (450) dlm. PBULR / AM / 2002

KEPADA YANG BERKENAAN


Tuan,

SEMAKAN KERTAS KERJA – SEJARAH REMBAU

Adalah saya disadbakan oleh Kebawah Kaus Y.T.M. Dato' Lela Maharaja Dato' Hj. Muhamad Sharip Bin Hj. Othman DTNS. Undang Luak Rembau, merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dikemnbalikan perkara tajuk, untuk makluman ia telah disemak seperti pindaan.
3. Sekian, terima kasih.

Adalah saya dengan sabda.



(MOHD NOR BIN SHARIF)
Setiausaha Sulit Kepada
YTM Undang Luak Rembau


Termaktub di Balai Undang Luak Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus
Pada 11 Julai 2002 bersamaan 30 Rabiul Akhir 1423H

LAMPIRAN F1

Gambar-gambar Adat Istiadat Kerjan Undang Yang Ke 21



Majlis menurunkan kerja istiadat kerjan



Menyampaikan sabda selepas istiadat kerjan pada 2 Disember 1999



Datuk Senara Di Raja Haji Ismail bin Haji Yasin membacakan pemyuran kerja Dato' Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif bin Haji Othman




Tempat batu mengasah parang (tempat panduan perjalanan)



Adat meletak tanda di Batu Gajah



Rumah telapakan Rembau di Kampung Pasir




Orang Besar Istana menjemput Dato Undang Rembau
ke Istana Seri Besar Menanti




Dato' Undang menuju ke Balai Rong Seri, Istana Besar Seri Menanti



Antara hantaran yang dipersembahkan kepada Yang Dipertuan Besar
Negeri Sembilan



Dato' Undang Luak Rembau ketika melakukan istiadat menyalang
Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan



Membaca ikrar ketika menghadap Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan



Istana lama Seri Menanti

LAMPIRAN F2

Gambar-gambar Undang Rembau



Dato' Hj. Sulong bin Miah, Undang Rembau ke-17



Dato' Abdullah bin Hj. Dahan, Undang Rembau ke-18



Dato' Hj. Ipap bin Abdullah, Undang Rembau ke-19



Dato' Hj Adnan bin Maah, Undang Rembau ke-20

LAMPIRAN F3

Gambar Surat Perjanjian Antara Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Dato'-dato' Undang yang Empat dengan British pada 1989

